

**EVOLUSI PENCAHAYAAN DALAM PERSEMBAHAN
WAYANG KULIT KELANTAN**
*EVOLUTION OF LIGHTING IN WAYANG KULIT
KELANTAN PERFORMANCE*

Azrul Azizi Amirrul

Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia (USM), Penang, Malaysia.
azrulazizi@usm.my

Tarikh dihantar: 12 April 2022 / Tarikh diterima: 1 Jun 2022 / Tarikh terbit: 30 Jun 2022
<https://doi.org/10.51200/ga.vi.1925>

ABSTRAK

Pencahayaan memainkan peranan penting dalam persembahan wayang kulit Kelantan. Penggunaan lampu berfungsi sebagai medium utama untuk memancarkan bayang patung di permukaan kelir. Dalang bertanggungjawab memanipulasi bayang patung dengan narator dan aksi dramatik daripada cerita-cerita wayang kulit Hikayat Maharaja Wana. Kepentingan cahaya tidak tertumpu dalam persembahan semata-mata, tetapi mempunyai makna simbolik yang berhubungan dengan kepercayaan masyarakat. Persembahan wayang kulit Kelantan bertindak sebagai alat didikan sosial, menerapkan amalan kepercayaan agama, menyebarkan maklumat dan berfungsi untuk hiburan dalam masyarakat Melayu tradisional. Dalang bertanggungjawab dalam memastikan setiap aspek persembahan mematuhi amalan tradisi yang diwarisi daripada guru masing-masing. Namun, seiring dengan perkembangan zaman, berlaku kemerosotan terhadap kumpulan persembahan dan dalang yang melakukan persembahan kerana evolusi dalam masyarakat. Oleh itu, para pengamal seni persembahan wayang kulit Kelantan kini perlu beradaptasi dengan keadaan semasa bagi memancing minat generasi kini bagi memastikan kelangsungannya. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kemungkinan wujud evolusi dalam pencahayaan melibatkan jenis lampu, pengendalian dan penyelenggaraan pencahayaan, tanggungjawab dalang dalam pencahayaan dan simbolik dalam pencahayaan. Hal ini berupaya menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi evolusi tersebut dan membuktikan usaha para pengamal meneruskan tradisi kesenian wayang kulit Kelantan. Penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melibatkan pemerhatian dan wawancara bersama lapan orang dalang yang membuat persembahan selama 12 minggu di Gelanggang Seni Kota Bharu, Kelantan. Dokumentasi data turut

menggunakan rakaman video dan foto. Hasil kajian mendapati evolusi yang berlaku dalam pencahayaan wayang kulit Kelantan dipengaruhi oleh tuntutan penonton dan perkembangan teknologi. Proses adaptasi melibatkan pengubahsuaian, pengolahan dan penghilangan unsur-unsur tradisional yang tidak relevan khususnya simbolik kepercayaan telah dilakukan demi kelangsungan persembahan.

Kata kunci: Wayang kulit Kelantan, pencahayaan, evolusi, teater tradisional, reka bentuk persembahan.

ABSTRACT

Lighting plays an essential role in wayang kulit Kelantan performance as it serves as the primary medium for emitting the puppet's shadow on the white screen. The dalang, or the mastermind is responsible for manipulating the puppet's shadow as he narrates the dramatic action from the tales of Maharajawana. The significance of light is not limited to the performance itself but also has a symbolic meaning concerning the community's beliefs. Wayang kulit Kelantan performances act as a tool for social education, incorporating religious values, communicating information, and entertaining members of the traditional Malay society. The dalang is responsible for ensuring that all aspects of the performance adhere to the traditional practices passed down from their respective teachers. However, as time passes, the number of performance groups and masterminds who perform has decreased due to social evolution. As a result, practitioners of wayang kulit Kelantan must now adapt to the present situation to maintain the current generation's interest and preserve the tradition's survival. Therefore, wayang kulit Kelantan practitioners now need to adapt to the current situation to attract the current generation's interest to ensure its survival. This study aimed to determine the possibilities of evolution in lighting, including the type of light, its operation and maintenance, the dalang's responsibilities, and lighting symbolism. This research attempts to describe the variables that influence evolution and demonstrate practitioners' efforts to preserve Kelantan's wayang kulit tradition. The researchers employed qualitative methods to observe and interview eight dalang who performed for 12 weeks at the Gelanggang Seni Kota Baru, Kelantan. Documentation also uses video and photo recordings. The study's findings indicated that the evolution of wayang kulit Kelantan lighting was impacted by audience requests and technological advancements. The adaptation process, which entails modifying, adjusting, and removing irrelevant traditional elements, mainly symbolic beliefs was undertaken to ensure the performance's survival.

Keywords: *Wayang kulit Kelantan, lighting, evolution, traditional theatre, performance design.*

PENDAHULUAN

Wayang kulit merupakan sebuah teater tradisional yang terdapat di Malaysia. Pada sekitar tahun 60-an, persembahan ini menjadi medium hiburan yang utama kepada masyarakat. Istilah wayang kulit digunakan di Malaysia dan Indonesia dengan menggunakan boneka atau patung yang diperbuat daripada kulit (Ghulam Sarwar Yousof, 1994). Patung tersebut dimainkan oleh dalang dengan memanipulasikan bayang patung yang terpancar pada sebuah kelir daripada cahaya lampu. Oleh itu, pencahayaan memainkan peranan utama dalam persembahan ini. Selain itu, dalang berperanan menghidupkan persembahan ini dengan penceritaan, aksi dan nyanyian semasa menggerakkan patung yang diiringi oleh para pemuzik (Anwar Din, 2008).

Persembahan wayang kulit di Malaysia terbahagi kepada empat jenis, iaitu Wayang Purwa, Wayang Melayu, Wayang Siam atau Wayang Kulit Kelantan dan Wayang Gedek. Wayang Gedek terdapat di bahagian utara Semenanjung Malaysia dengan menggunakan dialek Utara. Wayang Purwa menggunakan dialek Jawa dan dimainkan oleh masyarakat berketurunan Jawa di negeri Johor dan Selangor, Wayang Melayu menggunakan dialek Melayu yang mempunyai pengaruh Jawa dimainkan di sekitar pantai timur dan Wayang Kulit Kelantan atau Wayang Kulit Siam menggunakan dialek Kelantan yang juga terdapat di sekitar pantai timur (JKKN, 2003).

Persembahan wayang kulit memainkan peranan yang sangat besar dalam kosmologi Melayu. Wayang kulit yang berasal daripada ritual kepercayaan animisme telah berkembang menjadi satu persembahan yang berfungsi sebagai ritual perubatan, alat komunikasi sosial dan hiburan dalam masyarakat Melayu (Azrul Azizi, 2018). Pengaruh kepercayaan masyarakat menjadikan wayang kulit dijadikan alat komunikasi untuk menyebarkan nilai-nilai pegangan agama dan amalan sosial bertujuan mendidik dan memastikan individu sosial ini mematuhi norma masyarakat tersebut. Persembahan ini turut berperanan sebagai alat komunikasi antara manusia dengan makhluk alam lain bersesuaian dengan kepercayaan masyarakat Melayu tradisional yang mempercayai dan menghormati kewujudan makhluk halus daripada alam lain. Masyarakat Melayu tradisional mempercayai bahawa penyakit yang dihadapi oleh seseorang adalah berpunca daripada ketidak seimbangan unsur alam atau pengaruh daripada gangguan makhluk alam lain terhadap individu (Harun Daud, 2001). Oleh itu, wayang kulit akan dijadikan medium pengubatan yang mampu ‘menenangkan’ unsur atau menghalau gangguan penyakit tersebut. Hal ini berkembang dan disesuaikan dengan perubahan amalan kepercayaan agama masyarakat

Melayu iaitu animisme, Hindu-Buddha dan Islam. Selain itu, wayang kulit juga merupakan medium hiburan pada waktu malam setelah penat bekerja dan merupakan ruang untuk bersosial dengan jiran tetangga (Mohamed Ghouse Nasruddin, 2000).

Kepentingan wayang kulit dalam aspek kehidupan masyarakat Melayu melibatkan rohani, intelek dan sosial menjadikannya satu persembahan yang tidak hanya dilihat daripada aspek literal, yakni persembahan untuk hiburan tetapi mempunyai makna simbolik di sebalik setiap aspek persembahan tersebut. Persembahan ini dimulakan dan diakhiri dengan ritual buka-tutup panggung untuk menghormati kewujudan unsur dan makhluk lain yang wujud dalam ruang manusia (Ghulam Sarwar Yousof, 1992). Dalang dan para pemuzik terikat dengan pelbagai amalan dan pantang-larang sebelum, semasa dan selepas persembahan. Begitu juga dengan amalan khusus dan pantang larang turut melibatkan seluruh aspek reka bentuk pentas seperti binaan panggung, penggantungan lampu, pengendalian patung, alat muzik dan peralatan pentas yang lain. Setiap peralatan mempunyai ciri khusus yang mempunyai fungsi simbolik baik daripada segi bahan, material, pembuatan dan penyelenggaraan. Semua proses melibatkan ritual dalam aspek persembahan adalah tanggungjawab dalang. Dalang bertindak selaku pemimpin dan ketua yang juga secara simboliknya merupakan wakil Tuhan bagi memastikan segala falsafah kepercayaan, amalan dan didikan sosial masyarakat dalam wayang kulit Kelantan terpelihara (Dollah Rambo, wawancara, 22 April 2015).

Namun, seiring dengan perkembangan zaman, pelbagai pengaruh telah memberi kesan terhadap kesinambungan tradisi wayang kulit Kelantan. Seni persembahan ini sudah dianggap tidak popular dalam kalangan masyarakat. Kemerosotan kumpulan yang mengadakan persembahan dan kurangnya kelahiran dalang baharu menjadikan persembahan wayang kulit ini dalam kategori hampir pupus. Kumpulan sedia ada dan masih aktif kini, berusaha sedaya upaya menyaingi tuntutan zaman dengan menyesuaikan persembahan ini agar mampu menarik minat masyarakat khususnya golongan muda (Nik Mat, wawancara, 2012). Hal ini mewujudkan potensi berlakunya evolusi dalam persembahan wayang kulit yang melibatkan bentuk dan komponen persembahan seperti panggung, patung, pencahayaan, dalang, kelir dan muzik. Begitu juga dengan simbolik, kepercayaan dan nilai dalam masyarakat Melayu melalui aspek persembahan tersebut yang telah pun mengalami evolusi apabila berlakunya evolusi dalam kepercayaan masyarakat (animisme, Hindu-Buddha dan Islam). Penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti perubahan dalam komponen persembahan khususnya pencahayaan yang sangat penting dalam

wayang kulit, menumpukan terhadap wayang kulti Kelantan. Penyelidik melakukan penelitian terhadap evolusi yang telah berlaku terhadap jenis pencahayaan, pengendalian dan penyelenggaraan lampu, tanggungjawab dalam pencahayaan dan aspek simbolik yang berhubungan, melibatkan nilai kepercayaan, amalan sosial dan hiburan masyarakat. Evolusi yang berlaku berupaya mengenal pasti proses dan faktor perubahan yang telah berlaku dalam wayang kulit Kelantan demi kelangsungannya.

LATAR BELAKANG

Evolusi adalah proses yang berlaku secara beransur-ansur dan perlahan-lahan kepada haiwan atau tumbuhan, daripada generasi kepada satu generasi lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007). Penerangan daripada Kamus Dewan menghadkan hanya kepada haiwan dan manusia, namun apabila diteliti ia juga boleh diluaskan maksudnya kepada segala jenis aktiviti manusia seperti dalam bidang kebudayaan yang juga melibatkan aktiviti kesenian.

Dalam konteks sejarah, evolusi merupakan teori yang dikembangkan oleh Charles Darwin berkaitan asal usul kejadian manusia yang diyakini berkembang dan berubah perlahan-lahan daripada unsur terendah seperti cacing, virus, bakteria, ikan dan sebagainya kepada hidupan yang lebih kuat. Perkembangan evolusi berkembang sekitar biologi dalam jangka masa agak lama. Herbert Spencer merupakan tokoh yang mengembangkan evolusi kepada cabang polemik lebih luas khususnya antropologi. Hal ini melihat evolusi dan pengaruhnya dalam lingkungan sekitar serta unit-unit dalam kehidupan seperti sistem masyarakat yang terdiri daripada sosial, ekonomi, politik dan kebudayaan (Sofia, 2021). Dalam perspektif sains sosial, Herbert Spencer menjelaskan tentang evolusi sosial yang merujuk kepada peringkat-peringkat penurunan dan peningkatan yang mewujudkan sesebuah tamadun (Fatimah Daud, 1992). Oleh itu, evolusi berlaku dalam setiap sistem kehidupan manusia tidak terkecuali kesenian dan budaya.


Dalam konteks kebudayaan, wayang kulit juga tidak terkecuali menerima impak daripada evolusi ini. Perubahan demi perubahan berlaku sejak daripada dahulu sehingga kini akibat desakan kehendak zaman yang mengubah kehendak penonton. Persembahan yang dahulunya dimainkan sebagai ritual kepercayaan animisme untuk memuja alam kemudiannya berkembang menjadi ritual pengobatan, medium pendidikan sosial dan hiburan masa lapang. Komponen persembahan lain seperti bahan membuat patung juga telah mengalami evolusi, iaitu daripada menggunakan daun bacang yang telah digunakan oleh

Dalang Saman, berkembang menjadi patung diperbuat daripada kulit dan kini menggunakan bahan plastik (Fara Dayana Mohd Jufri, 2014).

Begitu juga dalam penggunaan bahan warna pada patung yang berubah daripada bahan semula jadi kepada pewarna kimia. Selain bahan dalam peralatan, seni bina seperti panggung, reka corak patung dan reka bentuk kelir turut mengalami perubahan. Penggunaan ruang pentas panggung dan susun atur dalam pentas persembahan juga telah berubah kesan daripada perubahan zaman, undang-undang dan politik menyebabkan beberapa amalan yang dianggap menyalahi hukum Islam telah dihapuskan (Rahim Saarani, 2007).

Dalam konteks cahaya, berlaku perubahan yang besar memandangkan cahaya merupakan nadi persembahan wayang kulit. Tanpa kewujudan cahaya, bayang patung tidak mampu terpancar pada kelir wayang kulit. Oleh itu, cahaya memainkan peranan utama dalam kehidupan harian dan simbolik masyarakat. Masyarakat tradisional bergantung sepenuhnya kepada cahaya lampu bagi melanjutkan aktiviti harian pada malam hari. Selain bagi melakukan kerja-kerja pembaikan atau penyelenggaraan peralatan ekonomi untuk pertanian atau kelautan, waktu malam merupakan saat riadah untuk bersosial dengan ahli masyarakat. Hal ini membuatkan wayang kulit popular sebagai aktiviti malam yang menghiburkan, menenangkan (meditasi), memperoleh ilmu dan mengeratkan silaturahim (Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusuf, 1989).

Secara simbolik, cahaya mempunyai maksud tersirat sebagai ilmu dan kebaikan. Hal ini memainkan peranan besar dalam kosmologi kepercayaan masyarakat Melayu. Cahaya dianggap memberi sinar baharu yang menyinari kegelapan. Oleh itu, setiap kegelapan (kesilapan, kesesatan) akan berupaya diterangi dengan cahaya (ilmu, kebaikan, kesedaran) (Ir. Sri Mulyono, 1978). Justeru, dalam pencahayaan wayang kulit Kelantan, proses menghasilkan lampu, penggantungan dan penyelenggaraannya dilakukan oleh dalang dengan penuh hormat selaku pemimpin persembahan dengan ritual amalan dan pantang larang tertentu yang telah ditetapkan. Setiap persembahan memerlukan satu sumber cahaya dalam persembahan wayang kulit. Rajah 1 menunjukkan hubungan kepercayaan masyarakat Melayu dalam persembahan wayang kulit Kelantan khususnya dalam pencahayaan.



Rajah 1 Pengaruh simbolik dalam pencahayaan dalam wayang kulit Kelantan

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian lepas membuktikan bahawa persembahan wayang kulit Kelantan semakin terancam. Menurut Hill (1949), terdapat 300 dalang yang membuat persembahan sewaktu beliau melakukan penyelidikan. Kajian yang dilakukan selepas itu menunjukkan hanya 60 dalang yang melakukan persembahan (Amin Sweeney, 1972). Jumlah ini menunjukkan kemerosotan iaitu sebanyak 25 orang pada tahun 1998 dan 11 orang pada tahun 1999 (Jamaluddin Osman, 2001). Pada bulan November 2014, hanya terdapat 2 kumpulan yang aktif dan berdaftar dengan JKKN negeri Kelantan (Azrul Azizi Amirrul, 2018).

Penulisan ini merupakan salah satu langkah memelihara dan memulihara seni wayang kulit Kelantan. Hal ini dapat menambah dan memperdalamkan lagi pemahaman terhadap simbolik, fungsi dan ciri pencahayaan dalam reka bentuk persembahan wayang kulit Kelantan. Selain itu, ia dapat menjelaskan evolusi dalam pencahayaan dan faktor yang mempengaruhinya dalam usaha para pengamal beradaptasi demi kelangsungannya.

Penulisan ini juga adalah salah satu bentuk pendokumentasian baharu khususnya dalam pencahayaan wayang kulit Kelantan. Hal ini mampu memberi kefahaman dan menjelaskan situasi evolusi yang telah berlaku dalam pencahayaan wayang kulit Kelantan. Hal ini dapat membuka sudut pandangan terhadap kesan evolusi dan impaknya secara positif atau negatif dalam usaha para pengamal beradaptasi demi meneruskan kelangsungan persembahan wayang kulit Kelantan yang mampu menentukan arah tuju bagi melestarikan persembahan ini. Secara tidak langsung, kajian ini membuktikan bahawa persembahan wayang kulit Kelantan bersifat fleksibel dan mampu berdaya saing dalam pelbagai zaman dan keadaan.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif, iaitu salah satu kaedah yang relevan bagi mendapatkan maklumat data. Kualitatif data melibatkan analisis terhadap perkataan seperti wawancara, catatan dan imej seperti pemerhatian, foto dan video berbanding nombor atau angka (Hammersley, 1992).

Kajian kualitatif dalam penyelidikan ini melibatkan pemerhatian dan wawancara penyelidik bersama lapan orang dalang wayang kulit Kelantan dan beberapa penggiat persembahan wayang kulit Kelantan. Pemerhatian dilakukan selama 12 minggu di tempat persembahan wayang kulit Kelantan iaitu di Gelanggang Seni Kota Baharu dan juga di tempat persembahan yang mempersembahkan persembahan wayang kulit Kelantan. Rakaman foto dan video diambil sebagai langkah bagi pendokumentasian dan digunakan sebagai contoh dalam penerangan dan perbincangan penyelidik. Wawancara ataupun temu bual akan dibuat setelah persembahan selesai. Wawancara ini dibuat bagi memastikan andaian penyelidik adalah tepat. Wawancara akan dicatat semula sebagai proses analisis dan akan digunakan sebagai bahan analisis yang akan digunakan sebagai dokumen sokongan dalam penulisan ini.

PENCAHAYAAN WAYANG KULIT KELANTAN

A. Sebelum Tahun 1960-an

Cahaya dalam persembahan wayang kulit Kelantan sangat penting bagi menghasilkan bayang pada kelir. Pada zaman tradisional, pelita bersarung digunakan bagi menghasilkan sumber cahaya pada persembahan wayang kulit. Pelita ini berbentuk 'L' yang boleh, disangkut semasa persembahan berlangsung dan dikenali sebagai pelita tiga jantan. Pelita ini menggunakan sumbu sepanjang 17.7 sentimeter atau lebih kurang sejengkal. Sumbu ini dikatakan bertahan selama 14 hari dan ia dihasilkan sendiri oleh dalang daripada benang mentah yang direndam dalam nurjat atau lemak haiwan sebagai bahan api (Dalang Nasir Yusof, wawancara, 16 Januari 2016). Sumbu diletakkan dalam satu mangkuk kecil di atas tapak berongga, iaitu tempat letak pelita berukuran 22.8 sentimeter kali 15.2 sentimeter setebal 2.5 sentimeter. Batu pula akan digunakan bagi menindih sumbu dalam mangkuk pelita untuk mengelakkan sumbu terjatuh semasa persembahan berlangsung kerana dalang akan menggerakkan pelita ke depan dan belakang bagi memberikan kesan bayang tertentu.

Dahulunya pelita digantung dalam panggung di hadapan dalang pada aras dahi. Pelita berbentuk 'L' dan diperbuat daripada kayu cengal atau merbau. Pada pelita ini terdapat satu lubang yang disebut lubang nyawa bertujuan untuk membolehkan dalang melihat semasa persembahan berlangsung. Reka bentuk pelita berbentuk 'L' ini bertujuan agar cahaya yang dipancarkan tidak mengganggu penglihatan dalang (Sugu Perinpam Joseph Kingham, 1998) Foto 1 menunjukkan lakaran pelita yang digunakan semasa persembahan dahulu.




Foto 1 Lakaran pelita yang digunakan semasa persembahan dahulu

Simbol pelita ini dikatakan mempunyai konsep 'fana' dan 'baqa' menurut kepercayaan Islam. Pak Nik Mat (2012) menyatakan melalui pemahaman ilmu tasawuf yang perlu dipelajari oleh setiap dalang, iaitu 'fana' membawa maksud alam dunia dan 'baqa' merujuk kepada alam akhirat yang merupakan alam kekal dan sebenar. Konsep ini divisualkan melalui cahaya yang menerangi hadapan kelir (bahagian penonton), iaitu mewakili alam fana dan bahagian belakang kelir (bahagian ahli persembahan) melambangkan alam 'baqa' akhirat.

Pegangan kepercayaan yang tinggi dalam kalangan dalang meletakkan cahaya dalam persembahan mempunyai hubungan dengan kekuasaan Tuhan. Pelita yang digunakan dalam persembahan mempunyai pantang larang tertentu, iaitu hanya dalang sahaja yang boleh memasang dan memadamkan pelita dalam persembahan. Pengendalian lampu dalam pencahayaan wayang kulit Kelantan tradisional dikhususkan untuk dalang sahaja. Hal ini bersesuaian dengan konsep kepimpinan dalang dalam persembahan wayang kulit Kelantan.

Pelita untuk persembahan akan digantung dengan menggunakan tali pelita. Tali ini terhasil daripada benang mentah berukuran 3.60 meter panjang dengan terdapat satu cangkuk logam dipasang dalam pelita. Pelita digantung dalam kedudukan 'V' seperti dalam Foto 2. Hal ini dapat memudahkan dalang menolak pelita ke depan dan belakang.




Foto 2 Pelita yang digantung semasa persembahan
Sumber: Sugu Perinpam (1998)

Setelah perubahan zaman berlaku, penggunaan pelita minyak kerosin mula berkembang dalam kehidupan dan juga dalam persembahan wayang kulit. Proses menghasilkan sumbu dan minyak bagi menghasilkan cahaya sebelum ini dianggap sukar, menuntut masa dan kepakaran penghasil. Penggunaan pelita minyak kerosin dapat menjimatkan masa dan kos serta lebih mudah untuk dibawa ke tapak persembahan. Foto 3 menunjukkan penggunaan pelita minyak kerosin semasa persembahan berlangsung.



Foto 3 Penggunaan pelita gasolin dalam persembahan
Sumber: Anker Rentse (1936)

B. Semasa Tahun 1960-an

Sumber elektrik yang digunakan sekitar tahun 1960-an memberikan kesan terhadap persembahan wayang kulit Kelantan. Setiap kumpulan yang membuat persembahan berusaha menyaingi perubahan ini. Mentol elektrik mula digunakan bagi menggantikan sumber cahaya sebelum ini. Cahaya yang terang dan warna cahaya yang terhasil daripada mentol ini memberikan kesan bayang yang berbeza di kelir, iaitu visual bayang lebih stabil dan jelas. Hal ini memberi kesan apresiasi yang tinggi dalam kalangan penonton.

Dalang Yusof Merah (wawancara, 15 Mac 2015), menjelaskan bahawa penggunaan mentol ini menjadikan tahap teknik stimulasi patung lebih menyerlah. Namun, gerakan bagi ‘menghidupkan’ patung di kelir lebih mencabar kerana kesan khas seperti layangan berganda dan gerakan patung tidak dapat dihasilkan dengan cahaya mentol yang tetap. Patung akan nampak lebih kaku jika dalang tidak menguasai teknik yang sesuai dan dalang harus meningkatkan tahap kemahiran permainan dengan mengambil kira sifat cahaya yang terhasil daripada mentol tersebut. Berbanding cahaya pelita yang bersifat mudah digerakkan, dalang telah mempelajari teknik gerakan patung dengan memanipulasikan sifat mudah meliuk api pelita untuk menghasilkan kesan bayang tertentu di kelir. Oleh itu, penggunaan cahaya mentol yang tetap dan tidak dapat bergerak, memerlukan kemahiran teknik baharu dalam kalangan dalang.

Hasil daripada kemunculan kuasa elektrik, persembahan wayang kulit Kelantan menghadapi cabaran baharu kesan daripada kehadiran perkembangan teknologi. Kemunculan teknologi dalam industri hiburan seperti televisyen, wayang gambar dan lain-lain mewujudkan kesan visual lebih canggih dan hal ini menghasilkan tuntutan yang tinggi dalam aspek visual dalam kalangan penonton. Persembahan wayang kulit kini harus menyaingi teknologi hiburan sedia ada dengan meningkatkan kualiti visual dalam persembahan. Tuntutan penonton dan masyarakat ini menyebabkan penggiat terutamanya dalang, mencari jalan bagi memenangi hati penonton agar berupaya meneruskan seni persembahan wayang kulit Kelantan.

CAHAYA DALAM PERSEMBAHAN WAYANG KULIT KELANTAN MASA KINI

Sepanjang pemerhatian yang dibuat di Gelanggang Seni Kota Bharu, kebanyakan kumpulan menggunakan lampu putih *high intensity discharge* (HID) dalam persembahan (Foto 4). Lampu ini memberikan kecerahan yang

tinggi dan menghasilkan bayang yang sangat jelas berbanding mentol biasa yang digunakan sebelum ini. Kuasa lampu jenis (HID) ini ditingkatkan dengan penggunaan *transformer* yang membantu meningkatkan tenaga elektrik bagi menampung kuasa yang diperlukan oleh lampu ini (Foto 5).




Foto 4 Lampu HID (*high intensity discharge*).



Foto 5 *Transformer* yang digunakan untuk meningkatkan kuasa

Lampu digantung dalam jarak sekitar 2 kaki dari kelir ke dalang. Lampu ini diletakkan pada apungan dan digantung pada kedudukan paras dahi dalang yang duduk. Lampu digantung pada kiri dan kanan tempat persembahan dan menggunakan tali jenis rafia dan nilon.

Prosedur gantungan lampu semasa persembahan juga telah berubah berbanding sebelum ini. Dalang tidak lagi terlibat dalam proses penggantungan dan pemasangan lampu kerana dilakukan oleh krew pentas kumpulan persembahan. Tempat meletakkan cahaya kini tidak lagi mempunyai lubang nyawa seperti sebelum ini. Sarang pelita berbentuk 'L' digantikan dengan apungan bentuk 'L' juga tetapi digantung secara terbalik dan masih mengekalkan kepingan kayu bagi menjadi pengantara mata dalang dan lampu atau cahaya semasa persembahan. Jarak lampu dan kedudukan paras lampu dengan dalang masih kekal.

Penggunaan lampu HID ini memberikan kesan menarik dalam menghasilkan bayang kerana bayang dan warna patung dapat dilihat dengan sangat jelas seperti dalam Foto 6. Gerakan patung semasa aksi pantas dan acakan pada kelir sewaktu adegan perkelahian, aksi berjalan dan sebagainya mempunyai kesan visual yang tepat dan memberikan kesan kepada penonton. Hal ini sekali gus dapat mewujudkan kesan kekaguman dan membantu unsur-unsur dramatik seperti saspens dan kejutan kepada penonton.



Foto 6 Bayang yang terhasil daripada HID

Penggunaan lampu jenis HID ternyata amat membantu dalam memberikan kesan visual yang memberikan impak kepada penonton. Kualiti material, reka corak dan rekaan bentuk patung dapat dilihat dengan lebih jelas oleh penonton. Hal ini dapat memberikan kesan minat kepada penonton terutama penonton muda (Eye Hock Seng, wawancara 19 Ogos 2015). Para pelancong dari luar negara juga mengagumi nilai keindahan dalam persembahan wayang kulit Kelantan ini dengan sokongan daripada lampu jenis ini. Justeru, kebanyakan kumpulan bersaing melalui penggunaan lampu jenis ini bagi memenangi hati penonton.

CAHAYA WAYANG KULIT MODEN

Persembahan yang dilakukan di luar Gelanggang Seni tertumpu kepada penonton yang tidak mempunyai pengetahuan atau kefahaman terhadap wayang kulit Kelantan. Oleh itu, para pengamal mengalami cabaran untuk memastikan persembahan yang dilakukan berupaya menarik minat penonton. Dalam usaha mendidik dan memberi kefahaman, para pengamal menggunakan teknologi yang agak ekstrem. Adaptasi dilakukan terhadap cerita, watak dan pencahayaan dengan penggunaan alat projektor. Hal ini dapat dinilai sebagai menggunakan konsep cahaya dan bayang semata-mata tanpa mengambil kira unsur simbolik tradisional dalam persembahan (Dain Othman, wawancara, 2016).



Foto 7 Imej yang terhasil di kelir

Penggunaan projektor sebagai sumber cahaya dalam persembahan wayang kulit Kelantan disesuaikan dengan plot cerita dan watak. Penggunaan projektor berupaya memberi kesan visual yang hampir menyamai perkembangan teknologi visual yang dekat dengan penonton seperti telefon bimbit, televisyen, komputer dan sebagainya. Para pengamal yakin ia mampu menarik minat dan tumpuan penonton terhadap seni persembahan wayang kulit Kelantan. Paparan visual daripada projektor menjelaskan reka corak dan warna patung, aksi dramatik pergerakan patung dan latar. Hal ini dapat mewujudkan apresiasi dalam kalangan penonton. Para pengamal melakukan pengolahan dan adaptasi dengan harapan berupaya mendidik dan melahirkan golongan penonton untuk wayang kulit Kelantan bagi memastikan kelangsungannya dalam masyarakat masa kini.



Foto 8 Kedudukan projektor semasa persembahan
 Sumber: *The Malaysian Insight* (2017)

Selain itu, penggunaan projektor juga membuka ruang kepakaran lain dalam wayang kulit Kelantan. Hal ini memerlukan individu yang mahir mengendalikan alatan tersebut. Terdapat Krew persembahan yang mahir mengendalikan peralatan tersebut bertanggungjawab mengendalikan projektor semasa persembahan. Dalang dan ahli produksi tidak terlibat dalam pemasangan dan pengendaliannya seperti sebelum ini. Gantungan projektor adalah dari belakang dalang. Secara simbolik, hal ini menghilangkan unsur simbolik terhadap lampu yang seharusnya digantung di bahagian depan pada aras dahi dalang. Jarak dari kelir ke projektor bergantung kepada kuasa projektor atau disebut lumen. Semakin tinggi lumen, semakin jelas visual yang dipancarkan ke kelir. Paparan visual akan bertukar sesuai dengan latar yang digunakan oleh krew yang mahir mengendalikan aplikasi komputer.

Persediaan masih lagi diperlukan sebelum persembahan, tetapi tidak mengambil masa yang panjang seperti sebelum ini. Jarak dan ukuran penggantungan projektor akan disesuaikan dengan kelir. Sekiranya tidak dilakukan dengan teliti, cahaya yang dihasilkan akan tersasar dari kelir atau berlaku kebocoran cahaya pada sisi kelir yang akan mencacatkan persembahan. Oleh itu, proses uji coba antara krew projektor dengan dalang serta ahli persembahan sangat penting bagi memastikan persembahan berjalan lancar dan memuaskan. Persembahan yang menggunakan teknologi seperti ini juga memerlukan latihan intensif bersama ahli teknikal yang terlibat. Hal ini bagi memastikan persembahan berjalan lancar kerana teknikal persembahan menjamin persembahan yang baik.

Penggunaan projektor dalam pencahayaan wayang kulit Kelantan memberikan anjakan paradigma dalam pencahayaan wayang kulit kelantan. Penggunaan lampu pelita bahan buatan sendiri yang tinggi dengan falsafah kepercayaan terhadap agama Islam telah diganti dengan lampu kerosin. Setelah kemunculan kuasa elektrik, aspek pencahayaan berubah total kepada lampu mentol. Hal ini menghilangkan simbolik hubungan jenis lampu dengan kepercayaan tradisional. Tidak ketinggalan dalam penggantungan lampu dan pengendaliannya semasa proses persembahan. Dalang tidak bertanggungjawab sepenuhnya, pemasangan lampu melibatkan krew persembahan. Malah, dalam penggunaan projektor, krew berkemahiran khusus dalam pengendalian peralataan dan aplikasi terlibat untuk sesebuah persembahan wayang kulit Kelantan. Perubahan yang berlaku ini membuktikan telah berlaku evolusi dalam aspek pencahayaan wayang kulit Kelantan melibatkan simbolik kepercayaan dan peralatan,tanggungjawab dalang, kemajuan teknologi,perkembangan zaman serta kehendak penonton demi memastikan kelangsungannya.

KESIMPULAN

Aspek pencahayaan dalam wayang kulit Kelantan telah mengalami evolusi. Proses penghasilan,pengendalian dan persembahan melibatkan cahaya, telah bebas daripada amalan dan nilai tradisional. Amalan ritual, pantang larang dan nilai kepercayaan masyarakat tidak lagi diamalkan dalam wayang kulit Kelantan kini. Begitu juga dengan autoriti dalang dalam keseluruhan proses persembahan. Dalang tidak lagi memegang kuasa penuh bagi semua proses persembahan tetapi perlu berkolaborasi dengan ahli produksi yang terdiri daripada pelbagai bidang demi menyaingi kehendak dan tuntutan zaman penonton. Perubahan tersebut menjadikan wayang kulit Kelantan kini berfungsi sebagai hiburan semata-mata. Adaptasi dan penyesuaian yang telah berlaku membuktikan keunggulan, kredibiliti dan potensi persembahan wayang kulit Kelantan menyaingi tuntutan zaman untuk meneruskan kelangsungannya. Perkembangan teknologi dalam kalangan masyarakat mendorong para pengamal persembahan berusaha menyesuaikan dengan tuntutan kehendak penonton. Fungsi cahaya sebagai aspek utama dalam persembahan masih lagi kekal tetapi telah mengalami adaptasi dan pengolahan daripada jenis penggunaan lampu, iaitu daripada pelita kepada mentol dan lampu HID kesan daripada perkembangan kuasa elektrik di Malaysia. Penggunaan alat teknologi seperti projektor juga telah disesuaikan dengan persembahan wayang kulit Kelantan. Cahaya yang dahulunya dikaitkan dengan falsafah kepercayaan masyarakat Melayu-Islam untuk menyebarkan pendidikan sosial terhadap masyarakat tradisional, kini hanya berfungsi sebagai persembahan untuk hiburan sahaja. Secara langsung, perubahan yang berlaku

membebaskan persembahan wayang kulit Kelantan daripada sebarang pengaruh amalan syirik dan khurafat yang menyekat perkembangannya sebelum ini. Pencahayaan dalam wayang kulit Kelantan telah mengalami evolusi dalam penggunaan jenis lampu dan simboliknya dalam persembahan kesan daripada sikap dalang yang dipengaruhi oleh perubahan zaman, kehendak penonton dan perkembangan teknologi demi kelangsungan seni persembahan ini.

PENGHARGAAN

Penulisan artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan melalui geran penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (USM), (*short term grant*), 304/PSENI/6315368.

RUJUKAN

- _____. (2003). *Siri Mengenal Budaya Wayang Kulit*. Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan, Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Anwar Din (pnyt.). (2008). *Asas kebudayaan dan kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azrul Azizi Amirrul. (2018). Reka bentuk pentas dalam falsafah persembahan wayang kulit Kelantan. Tesis Doktor Falsafah (Tidak diterbitkan).
- Fara Dayana Mohd. Jufri. (2014). Wayang kulit Melayu tradisional Kelantan: Kajian archetypal reka bentuk gambalan. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Fatimah Daud. (1992). Pengenalan teori-teori sosiologi. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Ghulam Sarwar Yousof. (1992). *Panggung semar aspects of traditional Malay theatre*. Jakarta: Tempo Publishing.
- Ghulam Sarwar Yousof. (1994). *Dictionary of traditional South-East Asian Theatre*. Oxford: Oxford University Press.
- Harun Daud. (2001). *Mantera Melayu: Analisis pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ir. Sri Mulyono. (1978). Wayang asal-usul, filsafat dan masa depannya. Jakarta: PT Agung.
- Jamaluddin Osman. (2001). Pendalangan dalam wayang kulit Kelantan. Tesis PhD. (Tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin. (2000). *Teater tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nik Safiah Karim & Wan Abdul Karim Yusof. (1989). *Kelantan dalam perspektif sosiobudaya*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Rahim Saarani. (2007). Unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah Islam dalam wayang kulit: Langkah Kerajaan Kelantan menanganinya dari tahun 1991-2002. Tesis Sarjana (Tidak Diterbitkan). Pusat Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rentse, Anker. (1936). The Kelantan shadow play. *Malayan Branch*, 14(3), 284-301.

- Sofia. (2021). *Apa yang dimaksud dengan teori evolusi*. <https://m.mediaindonesia.com/humaniora/442222/apa-yang-dimaksud-dengan-teori-evolusi>
- Sugu Perinpam Joseph Kingham. (1998). *Symbolisme dalam wayang kulit Kelantan: Suatu kajian aspek visual*. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Wawancara

- Dain Othman, 2016.
Dollah Rambo, 22 April 2015.
Eye Hock Seng, 19 Ogos 2015.
Nasir Yusof, 16 Januari 2016.
Nik Mat, 2012.
Yusof Merah, 15 Mac 2015.